
GAYA UJARAN DALAM TEKS KESUSASTERAAN MELAYU

MOHAMMAD FADZELI JAAFAR
UNIVERSITY KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Makalah ini membincangkan pola dan strategi ujaran dalam teks kesusasteraan Melayu. Pola merujuk kepada konvensi dan struktur ujaran, sementara strategi merujuk sebab pemilihan ujaran dalam sesuatu perbualan. Kajian ini akan membandingkan penggunaan ujaran dalam karya sastra klasik dan moden. Teks yang dikaji ialah *Hikayat Hang Tuah* (HHT) dan *Salina*. Kajian ini tertumpu pada bab 1 dalam setiap teks kajian. Sejumlah 45 perenggan dalam HHT dan 127 perenggan dalam *Salina* yang terdapat dalam Bab 1 akan dianalisis. Kerangka analisis ujaran yang dikemukakan oleh Greenbaum dan Nelson (2002) akan dijadikan asas kajian. Pola ujaran yang akan diteliti dalam kajian ini ialah posisi awal, posisi tengah dan posisi akhir. Hasil kajian ini mendapati bahawa wujudnya inovasi dari segi persembahan ujaran dalam teks kesusasteraan Melayu. Misalnya, pola ujaran dalam teks moden lebih bervariasi berbanding teks klasik. Kandungan ujaran dalam teks moden juga lebih dramatik berbanding teks klasik yang bersifat langsung. Kajian ini telah menyumbang tentang gaya ujaran dalam kesusasteraan Melayu dari sudut stilistik.

Kata kunci: *Ujaran, sastra klasik, sastra moden, stilistik*

THE STYLE OF UTTERANCE IN A MALAY LITERARY TEXT

Abstract

This article discusses the pattern and strategy of utterance in Malay literary texts. Pattern refers to the convention and structure of utterance, while strategy refers to the choice of utterances in conversation. This study will compare the use of utterance in classical and modern literary texts. Text studied are *Hikayat Hang Tuah* (HHT) and *Salina*. The study concentrated on chapter 1 in each text. A total of 45 paragraphs in HHT and 127 paragraphs in *Salina* will be analyzed. Utterance analysis framework proposed by Greenbaum dan Nelson (2002) will be the basis of the study. The patterns of utterance that will be examined are initial position, medial position and final position. The results of this study found that that there has been innovation presentation of utterance in a Malay literary text. For example, the pattern of utterance in the modern text is more varied than the classical one. The content of utterance in the modern text is also more dramatic compared to the classical that is straightforward. This study has contributed about the style of utterance in the view of stylistics.

Keywords: *Utterance, classic literature, modern literature, stylistics*

PENGENALAN

Makalah ini meneliti penyajian ujaran (*utterance*) dalam prosa Melayu. Yang dimaksudkan ‘prosa’ ialah sejenis penulisan yang menggunakan teknik penceritaan, misalnya dialog dan naratif. Dalam kesusasteraan Melayu, ada dua konsep prosa, iaitu ‘prosa Melayu lama’ atau ‘prosa klasik’ dan ‘prosa moden’. Prosa Melayu lama atau klasik diwakili oleh cerita berbentuk hikayat. Prosa moden pula terdiri dari cerpen atau novel. Kajian ini akan mengkaji kedua-dua prosa yang dinyatakan, iaitu *Hikayat Hang Tuah* (HHT) dan *Salina*. Fokus kajian ini ialah ujaran yang disampaikan oleh pengarang melalui watak dalam kedua-dua prosa tersebut. Pengarang akan menggunakan watak sebagai alat untuk bercerita atau berdialog. Dengan ini cerita yang dipersembahkan oleh pengarang dapat dihayati atau dirasai oleh pembaca seperti perbualan sebenar. Bagaimanapun, prosa Melayu moden pada sekitar tahun 1920-an banyak menggunakan gaya penulisan khutbah dan penghujahan, misalnya novel *Hikayat Faridah Hanum* oleh Syed Sheikh Al-Hadi (Mohd. Zariat Abdul Rani, 2007). Hal ini menjadikan naratif dan ujaran yang disampaikan oleh watak meleret-leret dan tidak menggambarkan gaya perbualan yang natural. Bagaimanapun, perkembangan novel Melayu selepas pascamerdeka telah memperlihatkan gaya penyampaian ujaran yang lebih ringkas dan mirip dengan perbualan sebenar. Hal ini memberi gambaran bahawa kajian ujaran adalah sesuatu yang menarik untuk diteroka. Sebenarnya kajian ujaran bukan hanya tertumpu pada dialog secara terpencil, tetapi pada masa yang sama dapat juga memperlihatkan hubungan sosial antara watak yang dinamik melalui interaksi. Selain itu, dapat juga difahami sikap dan pemikiran watak melalui ujaran yang disampaikan.

Kajian ini menerapkan kerangka analisis ujaran yang pernah dikemukakan oleh Greenbaum dan Nelson (2002). Kerangka ini bersifat standard, iaitu bukan sahaja sesuai diaplikasi pada karya bahasa Inggeris, malah karya bahasa Melayu juga mempunyai struktur ujaran yang hampir sama. Berdasarkan kerangka ini akan dikenal pasti pola yang dominan digunakan dalam prosa Melayu klasik dan moden. Seterusnya, akan dibincangkan juga strategi pemilihan pola ujaran yang tertentu oleh pengarang menurut konteks yang sesuai. Secara

sedehana, kajian gaya ujaran dalam makalah ini dilakukan berdasarkan analisis stilistik, iaitu suatu cabang linguistik yang memberi tumpuan istimewa pada penggunaan bahasa dalam karya sastera dari sudut linguistik (Umar Junus, 1989; Leech & Short, 1991).

STRUKTUR WACANA PROSA

Situasi yang tipikal untuk menjelaskan struktur wacana sesuatu pebualan ialah wujudnya hubungan di antara sekurang-kurangnya dua pengucap. Misalnya:



Rajah 1: Struktur Wacana

Rajah 1 di atas menggambarkan bahawa terdapat tiga komponen yang membina wacana pebualan, iaitu sipengucap, mesej dan sipendengar. Apabila, sipendengar pula berbicara, maka peranannya berubah menjadi sipengucap. Manakala, sipengucap tadi akan menjadi pendengar pula. Komponen yang sama turut berlaku dalam wacana tulisan, iaitu penulis (*writer*), mesej dan pembaca (*reader*). Leech dan Short (1991), dan Short (1996) pernah membincangkan struktur wacana prosa, dan perbezaannya dengan wacana puisi dan drama. Menurutnya, struktur wacana puisi hanya mempunyai satu lapisan, iaitu penyair dan pembaca (*poet-reader*). Dalam perkataan lain, penyair berhubung atau berkomunikasi secara langsung dengan pembaca. Wacana drama pula mempunyai dua tahap, iaitu penulis drama – penonton/pendengar; dan tahap watak-watak. Berbanding dengan puisi, drama ada satu lapisan lagi, iaitu komunikasi antara watak yang terdapat dalam cerita. Seterusnya, wacana prosa merupakan yang paling kompleks kerana terdapat sekurang-kurangnya tiga tahap wacana komunikasi, iaitu seperti yang tergambar dalam rajah yang berikut:



Rajah 2: Tahap wacana komunikasi

Bermula dengan tahap penulis novel – pembaca, sesuatu prosa mempunyai tahap pencerita – yang diceritakan. Hal ini yang membezakannya dengan wacana drama. Pengkritik telah lama cuba membezakan di antara pengarang dengan pencerita. Misalnya, pencerita mungkin berbicara dengan seseorang yang lain daripada pembaca. Dijelaskan lagi bahawa struktur wacana prosa atau novel boleh juga mempunyai lebih daripada tiga tahap di atas, iaitu bergantung kepada kerumitan struktur wacana yang dipersembahkan oleh penulis. Walaupun terdapat pelbagai peringkat struktur wacana yang membina sesuatu prosa, pada asasnya akan ada sipengucap dan sipendengar yang berkomunikasi. Hasil daripada komunikasi ini, maka terhasillah ujaran yang menjadi fokus kajian ini. Dalam bidang linguistik, ujaran yang terdapat perbualan telah sekian lama dikaji oleh ahli pragmatik. Bagaimanapun, kajian ahli pragmatik lebih tertumpu pada wacana lisan. Sebaliknya, kajian tentang wacana tulisan lebih banyak diterokai oleh ahli stilistik kerana bidang stilistik lebih memberi perhatian pada teks kesusasteraan, misalnya puisi, drama dan novel. Ahli stilistik telah sekian lama cuba membezakan dialog dalam prosa dengan perbualan natural. Misalnya, dalam dialog bertulis agak terbatas dari segi giliran bercakap, tiada sumber paralinguistik seperti intonasi atau penekanan (Tom Hutchinson, 1989; Nykanen dan Koivisto, 2016).

KERANGKA ANALISIS UJARAN

Ujaran (*utterance*) ialah sebarang perkataan yang dituturkan oleh individu tertentu dalam situasi yang khusus (Matthews, 1997, Trask, 1999). Ujaran terhasil dalam bentuk lisan (*spoken form*) atau bertulis (*written form*). Dalam bentuk tulisan, ujaran mempunyai penandanya yang tertentu. Lazimnya, ujaran ditandai oleh tanda bacaan, misalnya (Halliday, 1994):

- (1) “Caesar was ambitious.” Says Brutus.
- (2) Brutus says that Caesar was ambitious.

Contoh (1) merupakan ujaran yang benar-benar dilafazkan oleh Brutus. Ujaran seperti ini dinamakan ujaran langsung (*direct speech*). Ujaran langsung mempunyai tanda petikan, misalnya (“...”), dan diikuti atau didahului oleh klausa pelapor, misalnya *Says Brutus*. Ujaran (2) pula ialah ujaran yang dilaporkan oleh orang lain. Dalam perkataan lain, ujaran (1) seseorang melaporkan sesuatu dengan katanya sendiri, sementara dalam ujaran (2) seseorang melaporkan apa yang dikatakan oleh orang lain. Laporan sesuatu ujaran oleh pihak ketiga ini dinamakan sebagai ujaran tak langsung (*indirect speech*). Perbezaan lain, ujaran langsung dan tak langsung ialah ujaran tak langsung ditandai oleh kata penghubung *that* dalam bahasa Inggeris.

Dalam sesebuah novel, ujaran langsung adalah kepunyaan watak, manakala ujaran tak langsung disampaikan oleh penulis atau pencerita. Wales (1991) menjelaskan bahawa ujaran langsung lebih ekspresif sifatnya kerana kehadiran tanda seruan, tanya dan sebagainya yang tiada dalam ujaran tak langsung. Ujaran langsung juga lebih jujur dan bersifat terus berbanding ujaran tak langsung yang boleh ditokok tambah, maka menjadikan ujaran tersebut tak jujur. Bagaimanapun, ujaran tak langsung ialah alat yang berguna untuk penulis mengawal sesuatu penceritaan. Makalah ini hanya tertumpu pada ujaran langsung, iaitu dari segi pola dan fungsi ujaran dalam teks kesusasteraan Melayu.

Seterusnya, sesuatu ujaran dapat juga dianalisis berdasarkan maklumat klausa. Menurut Toolan (1998) struktur asas dalam mempersembahkan kata-kata atau fikiran watak-watak yang terdapat sesebuah cereka adalah seperti contoh yang berikut:

- (3) She said, ‘I’m sorry I can’t stop right now’.
- (4) She wondered why those types always picked out her to ask.

Dapat diperhatikan bahawa setiap contoh di atas terdiri dari satu klausa matriks (*She said, She wondered*) dan klausa terikat. Klausa matriks berfungsi sebagai rangka klausa yang akan membekalkan maklumat siapa yang bertutur/berfikir. Klausa terikat pula ialah rakaman

pertuturan/ujaran atau fikiran watak. Berdasarkan penjelasan ini, ternyata bahawa sesuatu ujaran itu terdiri dari dua komponen asas, iaitu klausa matriks dan klausa terikat. Dalam makalah ini, klausa matriks dinamakan sebagai klausa pelapor (*reporting clause*), sebagaimana yang pernah disebut oleh Halliday (1994) dan Greenbaum & Nelson (2002), sementara klausa terikat merujuk kepada ujaran.

Berdasarkan kehadiran klausa pelapor dalam sesuatu ujaran, Greenbaum & Nelson (2002) telah membahagikan pola ujaran kepada tiga, posisi awal (*initial position*), posisi tengah (*medial position*) dan posisi akhir (*final position*). Klausa pelapor posisi awal menggunakan struktur ‘X berkata + ujaran. Dalam konteks ini, ‘X berkata’ merujuk kepada klausa pelapor. Contohnya:

(5) She told them, ‘We should not waste food when millions are starving’

Dalam contoh (5) She told them berfungsi sebagai klausa pelapor yang hadir pada posisi awal, sebelum diikuti oleh ujaran. Berkontras dengan posisi awal, klausa pelapor yang diletakkan pada bahagian akhir ujaran dinamakan posisi akhir. Misalnya:

(6) ‘I’m not ready yet,’ he replied.

Contoh di atas memperlihatkan struktur ‘ujaran + X berkata’. Klausa pelapor yang berposisi tengah pula ialah gabungan ujaran di posisi awal dan akhir, iaitu klausa pelapor hadir di tengah-tengah ujaran, misalnya”

(7) ‘I’m not ready yet,’ he replied. ‘You go ahead without me’.

Berdasarkan contoh di atas, klausa pelapor diapit oleh ujaran. Pola ini dapat dipermudahkan seperti yang berikut: ‘ujaran + X berkata + ujaran’. Dengan ini, terdapat sekurangnya tiga pola ujaran yang berbeza, berdasarkan posisi klausa pelapor sama ada di awal, tengah atau akhir.

Bagaimanapun, perlu ditegaskan di sini bahawa penjenisan tiga ujaran oleh Greenbaum & Nelson (2002) hanya tertumpu pada ujaran dengan klausa pelapor. Hakikatnya terdapat juga

ujaran yang diucapkan tanpa pelapor. Mohammad Fadzeli Jaafar (2015) menamakan ujaran tanpa pelapor sebagai ujaran langsung tanpa pengucap. Dalam karya bahasa Inggeris, para pengkaji menamakannya sebagai ujaran langsung bebas (*free direct speech*)(Wales, 1991). Contohnya:

- (8) “Tidak lainlah itu, suara Zarina. Barangkali bergaduh lagi dengan Sunarto!”
“Adiknya?”
“Bukan.” (hlm.13)

Contoh (8) di atas ialah cebisan perbualan yang dipetik daripada Salina. Ketiga-tiga ujaran disampaikan tanpa klausa pelapor sama ada pada bahagian awal, tengah atau akhir, yang melaporkan sipengucap. Strategi penggunaan ujaran langsung tanpa pengucap dapat mempercepatkan perbualan, dan lebih realistik sifatnya. Makalah ini akan menganalisis gaya ujaran dalam teks kesusasteraan Melayu berdasarkan kesemua pola ujaran yang dibincangkan ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah memillih bab 1 untuk setiap karya yang dikaji. Sebagai perbandingan, bab 1 dalam *Hikayat Hang Tuah* (HHT) terdiri dari 17 halaman. *Salina* pula sebanyak 13 halaman. Pemilihan kedua-dua karya ini kerana *Hikayat Hang Tuah* misalnya, merupakan satu-satunya epik Melayu asli. Teks ini dianggap lebih asli gaya bahasanya berbanding *Sejarah Melayu*, yang dipengaruhi oleh gaya bahasa Arab (Kassim Ahmad, 1971). *Hikayat Hang Tuah* juga ialah sebuah cerita kerana kata ‘hikayat’ bermaksud cerita. Hal ini berbeza dengan *Sejarah Melayu* yang lebih bersifat sejarah. HHT merupakan teks sastera Melayu klasik yang cukup indah, dan sarat dengan mesej dan simbol budaya politik di alam Melayu (Kamaruddin M. Said, 2007). Hal ini memang benar kerana kebanyakan contoh yang dibincangkan dalam kajian ini berkaitan dengan pemerintahan dan pentadbiran, iaitu merujuk kepada konsep pemerintah dan yang diperintah. Malah, ditemui dalam contoh kajian ini bahawa pemerintah menggunakan ganti nama yang berbeza berbanding dengan yang diperintah. Hal ini menunjukkan bahawa status seseorang akan mempengaruhi pemilihan leksikal.

Salina pula antara karya sastera Melayu moden awal yang mendapat pengiktirafan dari segi kualitinya kerana telah memenangi Hadiah Penghargaan dalam peraduan novel Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1958. Dihasilkan oleh sasterawan negara, A. Samad Said, karya ini merupakan karyanya yang pertama. Karya ini pernah mendapat kritikan yang baik daripada Prof. A. Teuw daripada Universiti Leiden, yang mengaku puas membaca *Salina* kerana kefahamannya tentang masyarakat, cara berfikir dan bahasa Melayu dapat dicungkil melalui teks ini (dalam Ungku Maimunah, 1993).

Keseluruhannya terdapat sejumlah 45 perenggan dalam HHT, dan 127 dalam *Salina*. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 26 perenggan dalam HHT merupakan gabungan naratif dan dialog, sementara selebihnya 19 ialah perenggan naratif (tanpa dialog). Misalnya:

(9) Setelah baginda mendengar sembah segala ahli nujum dan segala sasterawan demikian itu, maka baginda pun masuk mendapatkan permaisuri. Maka segala menteri dan hulubalang pun menyembah lalu keluar. Maka raja pun masuk ke dalam istana. Maka titah baginda kepada permaisuri, “Ya adinda, akan sekarang betapa bicara kita akan anakanda ini?” Maka sembah segala ahli nujum itu sekalian diceritakannya kepada permaisuri. Maka sembah permaisuri, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun dan kurnia; adapun patik ini hamba, mana titah junjung patik.” (hlm.2-3)

Contoh di atas memperlihatkan bahawa gaya penceritaan HHT ialah mencampurkan naratif dengan dialog. Tiada satu dialog pun yang terpisah daripada naratif. Pengarang akan mengemukakan latar dan konteks sesuatu perenggan, sebelum watak berbicara. Hal ini memberi gambaran campur tangan pengarang dalam HHT sangat dominan. Semua ujaran watak dikawal oleh pengarang.

Salina pula mempersembahkan gaya penceritaan yang sedikit berbeza. Selain kewujudan perenggan naratif, dan percampuran perenggan naratif dan dialog, terdapat juga perenggan yang hanya menonjolkan dialog. Contohnya:

(10) “Sekarang lima puluh ringgit orang tak ada kira; orang bayar. Rumah banyak susah mahu dapat. Satu ratus ringgit pun orang bayar.”

“Ya, ya, itu betul. Tapi gasak orang miskin punya wang banyak-banyak tak ada baiklah! kata benggali itu. (hlm.4)

Campur tangan pengarang dalam *Salina* tidak terlalu ketara. Watak-watak dibiarkan bebas berbicara sesama mereka. Gaya penceritaan seperti ini lebih realistik. Berdasarkan pemerhatian, gaya penceritaan karya moden memperlihatkan kurangnya campur tangan pengarang. Pembaca dapat memahami sikap dan pemikiran watak melalui dialog yang disampaikan. Hal ini menjadikan kajian ujaran lebih menarik kerana strategi pengarang dapat dikesan berdasarkan penggunaan ujaran dalam teks.

POLA DAN STRATEGI UJARAN

Sebagaimana yang disebutkan di atas bahawa pengarang HHT akan memulakan sesuatu perenggan dengan naratif yang berfungsi sebagai latar cerita. Misalnya:

(11) Alkisah maka tersebutlah perkataan Sang Perta Dewa. Sekali persetua maka baginda pun **bertitahlah** pada segala menteri hulubalang, “Hai tuan-tuan, berlengkaplah keluar esok hari; kita hendak pergi berburu.” Maka **sembah** mangkabumi: “Baiklah, tuanku.” Maka mangkabumi pun bermohonlah keluar akan berlengkap gajah kuda dan rakyat sekalian. Setelah lengkap, maka mangkabumi pun masuk berdatang **sembah**, “Ya tuanku shah alam, patik dititahkan berlengkap itu, akan sekarang sudahlah patik kerahkan segala rakyat dan gajah kuda.” Maka **titah** baginda, “Baiklah, esok hari kita pergi.” Maka baginda pun berangkat masuk ke istana. Maka segala menteri pun kembalilah ke rumahnya. (hlm.3)

Berdasarkan contoh di atas, ayat pertama dengan penanda wacana *Alkisah* berfungsi sebagai memulakan penceritaan. Dua watak yang terlibat dalam contoh ini ialah Sang Perta Dewa dan mangkabumi. Dari segi konvensi, terdapat dua cara mempersembahkan ujaran dalam teks Melayu klasik, iaitu:

(12) Sekali persetua maka baginda pun **bertitahlah** pada segala menteri hulubalang, “Hai tuan-tuan, berlengkaplah keluar esok hari; kita hendak pergi berburu.”

(13) Maka **sembah** mangkabumi: “Baiklah, tuanku.”

Contoh (12) meletakkan tanda koma sebelum ujaran, sementara contoh (13) menggunakan tanda noktah bertindih. Setiap ujaran akan ditandai oleh tanda petikan “...”. Berdasarkan analisis

didapati bahawa HHT secara dominan menggunakan pola klausa pelapor awal, iaitu struktur ‘X berkata + ujaran’. Bezanya contoh (12) menggunakan kata *bertitahlah*, sementara contoh (13) ialah respon oleh mangkabumi kepada raja melalui kata *sembah*. Berdasarkan analisis, bentuk ini konsisten digunakan untuk dirujuk kepada raja dan hamba. Hal ini bersesuaian dengan latar dan cerita HHT yang berkisar pada istana. Menurut Lacaze (2013), pola klausa pelapor posisi awal adalah gaya yang sudah ketinggalan (*old fashion*). Pandangan ini ternyata benar untuk karya bahasa Melayu kerana berdasarkan pemerhatian terhadap karya Melayu klasik yang lain, misalnya *Sejarah Melayu*, pola ini adalah yang paling digemari. Hal ini menunjukkan bahawa gaya ujaran karya Melayu klasik ialah klausa pelapor berposisi awal. Bagaimanapun, dalam bab 1 ditemui satu ujaran yang tidak dinyatakan pengujarnya.

- (14) Setelah sudah, maka segala pegawai dan petuanan pun bermohonlah kembali ke rumahnya. Maka Bendahara Paduka Raja pun bermohonlah kembali duduk di balai sendiri mesyuarat dengan segala hamba sahayanya hendak memungut anak orang kaya-kaya dan petuanan dua puluh itu: “*Ada pun pada bicara hamba, barang siapa ada anak laki-laki atau perempuan, baiklah disembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan kerana baginda sendiri bertitah kepada hamba menyuruh memungut.*” Maka **sembah** segala tuan-tuan itu, “Sahaya tuanku ada seorang anak laki-laki.” Maka **sembah** seorang, “Sahaya ada seorang anak perempuan.” Maka **kata** Bendahara, “Baiklah, tuan-tuan itu kita persembahkan ke bahawa Duli Yang Dipertuan.” (hlm.16)

Tidak ditemui sebarang struktur ‘X berkata’ dalam klausa yang mendahului ujaran di atas. Berdasarkan konteks dapat dikesan bahawa yang melafazkan ujaran ini ialah Bendahara Paduka Raja yang sedang bermesyuarat dengan hamba sahayanya.

- (15) “Ada pun pada bicara hamba, barang siapa ada anak laki-laki atau perempuan, baiklah disembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan kerana baginda sendiri bertitah kepada hamba menyuruh memungut.”

Penemuan ini memberi petanda yang menarik juga sebab ternyata gaya ujaran karya klasik Melayu ada sedikit variasinya. Penggunaan ujaran tanpa pelapor ini sebenarnya lebih lazim ditemui dalam karya moden. Hal ini akan diperincikan nanti berdasarkan teks *Salina*. Suatu hal yang dapat disahkan di sini ialah penggunaan ‘X berkata’ dapat menentukan status pengujar. Misalnya, apabila bendahara bercakap dengan raja, pengarang memilih kata *sembah* sebab raja lebih tinggi statusnya. Apabila bendahara bercakap dengan hamba sahayanya, unsur X yang dipilih ialah *sembah* bagi hamba dan *kata* untuk bendahara. Unsur X yang tertinggi statusnya

ialah *titah*. Kata *sembah* digunakan untuk rakyat (termasuk bendahara) kepada raja, dan hamba kepada tuannya (misalnya bendahara). Perkataan *kata* pula ialah rujukan pengujar kepada seseorang yang lebih rendah statusnya, misalnya hamba.

Seterusnya perhatikan pula contoh petikan perbualan yang berikut di antara nakhoda dengan shahbandar.

- (16) Sebermula nakhoda itu pun sampailah ke Palembang. Maka ia pun berlempang persembahan. Setelah sudah maka lalu ia berjalan ke Bukit Seguntang. Berapa antaranya maka sampailah, lalu ia datang kepada shahbandar. Maka **kata** nakhoda itu, “Ya shahbandar, hamba sekalian ini hendak mengadap shah alam.” Maka **kata** shahbandar, “Baiklah.”(hlm.11)

Ternyata, unsur X dalam klausa pelapor dapat menentukan status atau darjat seseorang. Pengarang menggunakan perkataan *kata* untuk kedua-dua ujaran nakhoda dan shahbandar. Jika berdasarkan contoh di atas, penggunaan *kata* dirujuk kepada ujaran bendahara kepada hamba sahayanya. Fungsi *kata* dalam konteks ini bertujuan untuk menggambarkan perbezaan status sipengujar. Penggunaan *kata* untuk sesama sipengujar, misalnya di antara nakhoda dengan shahbandar menunjukkan bahawa masing-masing berstatus setara. Struktur ‘X berkata + ujaran’ dalam HHT dapat dirumuskan seperti yang berikut:

- | | | | |
|------|---|--------|------------------|
| (17) | Raja
X (<i>titah</i>) | dengan | Bendahara/Rakyat |
| | Bendahara/Rakyat
X (<i>sembah</i>) | dengan | Raja |
| | Bendahara
X (<i>kata</i>) | dengan | Hamba |
| | Hamba
X (<i>sembah</i>) | dengan | Bendahara/Raja |
| | Nakhoda
X (<i>kata</i>) | dengan | Shahbandar |

Data kajian ini juga memaparkan gaya ujaran inversi, misalnya ‘X berkata’ berubah menjadi ‘berkata X’. Hal ini dapat dikesan dalam contoh yang berikut:

- (18) maka baginda pun **bertitahlah**
maka **titah** baginda

Struktur ujaran inversi dalam contoh di atas ialah sipengujar baginda mendahului kata pelapor *bertitahlah* yang kemudiannya berubah menjadi *titah* yang diikuti oleh baginda. Strategi penggunaan inversi ini adalah untuk tujuan emphasis atau penekanan. Misalnya ‘X berkata’ bertujuan untuk menegaskan bahawa X (baginda) yang berkata, sementara ‘berkata X’ untuk menonjolkan kata (*titah*). Struktur ‘X berkata’ juga boleh dikaitkan dengan konsep maklumat baru dan lama. Misalnya, pemilihan ‘X berkata’ bermaksud X ialah maklumat baru, iaitu pengarang perlu memperkenalkan terlebih dahulu identiti sipengujar (baginda). Sebab itu struktur ‘X berkata’ hadir dalam bahagian awal naratif. Struktur ‘berkata X’ pula hadir di bahagian pertengahan naratif. Pembaca sudah tahu bahawa *titah* merujuk kepada baginda. Dengan ini kata *baginda* menjadi maklumat lama. Sebab itu kata *titah* mendahului sipengujar.

Seterusnya, data kajian ini turut memperlihatkan satu bentuk ujaran yang berkaitan dengan kognitif. Misalnya:

- (19) Maka dilihatnya budak-budak empat orang terlalu baik rupanya. Maka **fikir** nakhoda itu, “Bukan gerangan anak manusia budak-budak ini; kalau anak dewa-dewa gerangan siapa tahu.” (hlm.10)

Pengarang teks karya klasik sudah menggunakan pola ujaran langsung fikiran (*direct thought*) untuk menggambarkan apa yang sedang difikirkan oleh watak nakhoda tentang sekumpulan budak yang ditemuinya. Teknik ini sebenarnya memperlihatkan bahawa pengarang teks klasik bijak mempelbagaikan penggunaan klausa pelapor. Kata *fikir* turut digunakan dalam karya moden untuk menggambarkan monolog dalaman watak.

Seterusnya, penelitian ujaran dalam makalah ini difokuskan pula teks Melayu moden, iaitu *Salina*. Pola ujaran yang ketara dikesan dalam *Salina* ialah kecenderungan pengarang memilih struktur ‘ujaran + X berkata’. Misalnya:

(20) “Betulkah di tempat ini, mak?” **tanya** anak muda itu sabil mengesat dahinya yang berpeluh itu dengan sehelai sapatangan yang buruk, ronyok dan kotor. Rambutnya yang jatuh menutupi dahinya yang berpeluh itu dinaikkannya dengan tangannya, tapi rambut itu menutupi dahinya semula. Matanya menyeluruhi kampung itu.

“Betullah. Ha, itu pun dia pokok cempedaknya. Di belakang tulah biliknya.” **jawab** orang tua itu terbatuk-batuk sambil menunjuk ke pokok cempedak yang beberapa biji buahnya bersalut dengan kertas kuning kotor-kotor; buahnya yang bersalut, yang jelas kelihatan, empat biji kesemuanya.

Kalau gitu kita berhentilah, “ **kata** anak muda itu lagi. Dan dia segera pergi mendapatkan drebar lori itu-seorang Cina kurus bertopi hijau kekelabuan terkelup ke dalam-lalu **berkata**: “Taukeh, betul. Sinilah boleh berhenti.” (hlm.1)

Cebisan di atas ialah perbualan di antara seorang anak muda dengan emaknya. Terdapat 4 ujaran keseluruhannya, dengan 3 ujaran dilafazkan oleh anak muda, sementara 1 ujaran oleh siibu. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 3 ujaran menggunakan pola klausa pelapor posisi akhir, dan 1 ujaran disampaikan dalam posisi awal. Klausa pelapor ditandai oleh kata *tanya*, *jawab* dan *kata*. Secara keseluruhannya, pola klausa pelapor posisi akhir adalah yang paling dominan digunakan dalam teks kajian ini. Dengan ini, salah satu ciri gaya ujaran teks Melayu moden ialah penggunaan pola klausa pelapor posisi akhir.

Teks kajian ini turut memperlihatkan penggunaan ujaran berantai tanpa pelapor oleh sipengujar yang sama, misalnya,

(21) “Betullah. Ha, itu pun dia pokok cempedaknya. Di belakang tulah biliknya.”

(22) “Taukeh, betul. Sinilah boleh berhenti.”

Kedua-dua contoh ujaran di atas dilafazkan oleh anak muda. Ujaran (21) terdiri dari tiga rantaian ujaran. Hal ini ditandai oleh tanda noktah. Maksud rantaian di sini ialah beberapa ujaran telah disejajarkan secara selari oleh pengujar yang sama. Contoh (22) juga menunjukkan gejala yang sama, iaitu dua rantaian ujaran disampaikan oleh anak muda tersebut. Gaya ujaran berantai lazim ditemui dalam cereka moden. Berdasarkan penelitian, gejala seperti ini sebenarnya turut digunakan dalam HHT. Misalnya:

(23) Maka sembah segala mereka itu, “Daulat tuanku, patek sakalian ini hamba yang dhaif lagi hina memohonkan ampun dan kurnia ka bawah duli shah alam. Patek sakalian datang ini hendak memohonkan kurnia ka bawah duli shah alam; jikalau kurnia duli shah alam maka berani patek berdatang sembah.” Maka titah baginda. “Hai tuan2 sakalian, apa maksud tuan2 sakalian? Katakan juga kita dengar. Jika ada pada kita, tiada tanahi maksud tuan2 itu.” (hlm.14)

Contoh (23) ialah perbualan di antara orang Bentan dan Singapura yang mengadap raja Sang Perta Dewa. Masing-masing pengujar mengucapkan lebih daripada satu ujaran, iaitu dua rangkaian ujaran oleh orang Bentan dan Singapura, sementara raja menyampaikan tiga rangkaian ujaran. Penemuan ini menunjukkan bahawa telah wujud kesimbungan gaya ujaran teks klasik dengan moden. Strategi menggunakan ujaran berantai seperti ini adalah kelihatan lebih ringkas dan ekonomi, iaitu dengan melenyapkan sipengujar yang sepunya. Bandingkan dengan gaya ujaran yang berikut yang meletakkan klausa pelapor:

(24) “Betullah. **X berkata.**
Ha, itu pun dia pokok cempedaknya. **X berkata.**
Di belakang tulah biliknya.” **X berkata.**

Ujaran yang mengekalkan struktur ‘X berkata’ selepas sesuatu ujaran seperti contoh di atas hanya akan memperlambatkan cerita. Tambahan pula semua ujaran itu disampaikan oleh orang yang sama. Dari aspek lain, gaya persembahan seperti (24) tidak realistik kerana seseorang itu boleh sahaja menyampaikan beberapa ujaran dalam sesuatu masa.

Teks kajian ini turut memperlihatkan suatu pola ujaran yang tidak digunakan langsung dalam HHT, misalnya:

(25) “Ini sapa?” **Tanya** Kurupaya sambil menunjuk Hilmy. “Angkaupunya adikkah atau angkaupunya anak.”
“Saya punya anak.” (11)

Contoh (25) ialah perbualan di antara Kurupaya dengan Hilmy. Ujaran ini menggunakan pola posisi tengah, iaitu ‘ujaran + X berkata’ + ujaran. Ujaran “Angkaupunya adikkah atau angkaupunya anak.” ialah sambungan pertanyaan oleh Kurupaya dalam ujaran sebelumnya. Ujaran selepasnya, “Saya punya anak.” ialah respon daripada Hilmy terhadap pertanyaan tersebut. Berdasarkan jenis ujaran Greenbaum & Nelson (2002) yang dibincangkan di atas, contoh (21) termasuk dalam posisi tengah, iaitu struktur ‘ujaran + X berkata + ujaran’. Gaya ujaran seperti

ini memperlihatkan campur tangan pengarang dalam dialog tersebut. Strategi pengarang menggunakan ujaran posisi tengah adalah untuk mengawal cerita. Dalam perkataan lain, watak tidak dibiarkan terlalu bebas berkomunikasi. Perhatikan pula contoh yang berikut:

(26) “Yalah taukeh besar; kita semua sudah tahulah,” **kata Siti Salina dengan menggoyang-goyangkan kepalanya**, “satu kali taukeh cakap, kita semua sudah tahu. Taukeh jangan susah ya? Kita tak mahu ketuk-ketuk itu dinding, kita tak mahu cabut itu daun labu. Kalau kita ketuk, semua dinding jatuh: kalau kita cabut, semua atap roboh!” (hlm.9)

(27) Kurupaya tersenyum. “Ini orang betul gila,” **katanya lagi, memandang semula kepada Khatijah**, “siang-siang angkau tak boleh ambil air. Benggali ada jaga. Malam-malam angkau boleh ambil ar; angkau punyasuka berapa banyak angkau mahu ambil. Tapi kadang-kadang Benggali ada datang juga malam-malam. Kalau dia datang, angkau jangan ambil. Ada harti?” (hlm.10)

Kedua-dua contoh di atas menggunakan pola klausa pelapor posisi tengah. Contoh (26) ialah ujaran Siti Salina yang ditujukan kepada Kurupaya, sementara contoh (27), Kurupaya menunjukan kata-katanya kepada Khatijah. Konvensi penyampaian ujaran klausa pelapor di tengah memperlihatkan dua cara, iaitu (i) ujaran yang diikuti oleh klausa pelapor yang diakhiri dengan tanda noktah, sebelum diikuti oleh ujaran, dan (ii) ujaran yang diikuti oleh klausa pelapor yang diakhiri dengan tanda koma, sebelum diikuti oleh ujaran. Dalam kedua-dua situasi ini, klausa pelapor berfungsi untuk mengganggu kelangsungan ujaran. Dalam perkataan lain, kehadiran klausa pelapor di tengah-tengah ujaran merupakan salah satu strategi pengarang mengawal perbualan tersebut.

Suatu hal yang menarik juga dibincangkan di sini ialah konvensi struktur ujaran dalam teks moden. Berdasarkan contoh di atas, terdapat dua cara mempersembahkan ujaran, iaitu (i) klausa pelapor dengan huruf besar, misalnya *Tanya* dalam contoh (26) dan (ii) klausa pelapor dengan huruf kecil, misalnya *kata* dalam contoh (27). Penggunaan klausa pelapor dengan huruf besar tidak ditemui dalam teks klasik. Hal ini dapat dianggap sebagai inovasi dalam gaya ujaran teks Melayu. Tentang penggunaan tanda bacaan, misalnya tanda koma atau tanda noktah bertindih sebelum atau selepas ujaran, kajian ini mendapati masih wujud kesinambungan gaya tersebut, misalnya contoh (16) dalam teks *Salina*.

Salah satu ciri ujaran cereka Melayu moden ialah penyampaian ujaran tanpa pelapor. Hal ini sangat lazim ditemui dalam cereka Melayu pada abad ke-21 khususnya. Contoh ujaran tanpa pelapor dalam teks kajian ini ialah:

- (28) “Tidak lainlah itu: suara Zainab. Barangkali dia bergaduh lagi dengan Sunarto!”
“Adiknya?”
“Bukan.”(13)

Contoh (28) mengimplikasikan gaya pembacaan yang cepat dan pantas. Pembaca perlu membaca dan memahami perbualan seperti ini secara kognitif, iaitu menyimpan maklumat sipengujar di dalam fikiran. Misalnya, ujaran yang pertama disampaikan oleh Siti Salina, dan dijawab oleh Zainab, melalui pertanyaan, “Adiknya?”. Dan dibalas cepat oleh Siti Salina, “Bukan.” Perbualan ini berlangsung dengan pantas. Pembaca harus mampu menyimpan maklumat sipengujar secara kognitif, iaitu siapa yang bertanya, dan siapa pula yang menjawab. Sebenarnya ketiadaan klausa pelapor dalam contoh ini tidak menimbulkan salah faham kerana pengarang masih menggunakan konsep giliran yang teratur. Gaya seperti ini tidak ditemui langsung dalam teks Melayu klasik sebab gaya ini memisahkan naratif daripada perbualan. Teks Melayu klasik sebaliknya secara konsisten akan mencampurkan naratif dengan ujaran. Contoh ujaran langsung tanpa pengucap lain yang ditemui dalam *Salina* ialah:

- (29) “Jadi angkau mesti ambil air malam-malam. Sikit banyak ambil. Angkau boleh simpan dalam tenpayan. Kalau angkau cuci kain baju, itu dekat blok punya bilik mandi boleh cuci juga. Tapi malam-malam juga. Ada harti?”

Katijah mengangguk lagi. Dia memandang Siti Salina; Siti Salina mengangguk pula.
“Tapi angkau cuci dekat rumah ada sikit bagus. Ambil air sikit banyak malam-malam. Pagi-pagi angkau boleh bikin cuci kain baju. Ada harti?” (hlm.11)

Contoh (29) di atas diucapkan oleh Kurupaya, watak berbangsa India, dan ditujukan kepada Katijah. Terdapat 6 ujaran berantai dalam ucapannya yang pertama, sementara ujaran berikutnya terdiri dari 4 ujaran. Tiada sebarang sampukan atau respon secara verbal daripada Katijah, yang dapat mewujudkan komunikasi dua hala. Kurupaya seperti memerintah Katijah dan Siti Salina supaya mengikut arahnya tentang waktu yang sesuai mengambil air. Campur tangan

pengarang wujud dalam contoh ini melalui penerangan tentang respon Katijah dan Siti Salina secara non-verbal, iaitu anggukan sebagai tanda setuju.

Satu perbandingan yang menarik juga dibincangkan di sini ialah penggunaan kata kerja yang berfungsi untuk melaporkan ujaran langsung. Kata kerja tipikal yang digunakan oleh pengarang untuk melaporkan ujaran langsung ialah *kata*, misalnya:

(30) Maka kata syahbandar, “Baiklah.” (hlm.14)

Contoh ujaran di atas tidak menimbulkan sebarang konotasi kepada pembaca. pengarang hanya melaporkan ujaran watak. Berdasarkan analisis, didapati bahawa HHT menggunakan kata kerja yang tidak memerlukan interpretasi lain, misalnya *sembah*, *titah*, *tanya* dan *fikir*. Penemuan ini menunjukkan bahawa penggunaan kata kerja untuk klausa pelapor dalam HHT tidak bervariasi dan sudah boleh dijangka. Misalnya, jika raja berucap, maka kata *titah* akan digunakan. Sebaliknya jika rakyat yang bercakap dengan raja, maka kata *sembah* yang digunakan. Sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, penggunaan kata kerja untuk klausa pelapor dalam HHT berfungsi untuk menandakan status sipengujar.

Teks *Salina* turut menggunakan bentuk kata kerja untuk klausa pelapor yang tipikal, misalnya *kata*, *tanya* dan *jawab*. Bagaimanapun, pengarang mengemukakan maklumat tambahan dalam klausa pelapor yang memberitahu pembaca tentang sikap dan cara penyampaian watak. Misalnya:

(31) “Ohooo, “kata Benggali jaga itu; suaranya besar dan penuh kahak ditekaknya. “Berapa itu bilik punya sewa sekarang? Apa sudah naik lagikah?” (hlm. 3)

Dalam klausa pelapor ada dijelaskan oleh pengarang bahawa Benggali tersebut mempunyai suara yang besar dan berkahak. Dengan ini, pembaca dapat membayangkan intonasi suara Benggali yang kasar dan tinggi. Menurut Carmen Rosa-Caldas (1992):

This kind of investigation is important because by examining the ways authors represent speech we immediately are confronted with significant stylistic differences. An author

like D. H. Lawrence, for example, interprets for the reader the content of the utterances and makes explicit kinesic, paralinguistic and prosodic features. In Hemingway, on the other hand, the impact of the narrative comes from the dialogue itself and the illocutionary force has to be derived by the reader exclusively from the words presented.

Pernyataan di atas menjelaskan bahawa kajian tentang penggunaan kata kerja laporan (*reporting verb*) sangat signifikan kerana dapat menunjukkan perbezaan stilistik. Misalnya sasterawan Inggeris D.H. Lawrence menonjolkan ujaran secara eksplisit, melalui penggunaan kinesik, paralinguistic dan ciri prosodi, sementara Hemingway berjaya menimbulkan kesan naratif kepada pembaca melalui dialog. Dalam perkataan lain, walaupun maklumat yang dikemukakan oleh pengarang dalam klausa pelapor kadangkalanya lucu, bertindan dan mungkin berlebihan, tetapi dapat membantu interpretasi pembaca memahami naratif dengan lebih baik. Misalnya perhatikan contoh yang berikut:

(32) “Ya, saya tahu, Kurupaya Samy, “ kata Siti Salina dengan nada yang mengejek-ejek, “kalau Kurupaya tak ada cakap, saya sendiri pun mahu cakap sama ini kakak, tau? Saya cakap; Kak, ini rumah Kurupaya mahal, tapi tak kuat. Jadi, jangan ketuk-ketuk, nanti semua jatuh,” sambil berkata ini sambil Siti Salina ketawa, “atapnya tak betul, kak. Banyak lubang-lubang. Jadi daun labu yang menjalar itu, janganlah dibuang, kak.” Ketawa Siti Salina semakin meninggi lagi dan berombak-ombak. (hlm.9)

Petikan di atas memperlihatkan bahawa ujaran Siti Salina disampaikan dengan nada sindiran, dan disulami ketawa yang berpanjangan. Malah, Siti Salina cuba meniru gaya penyampaian Kurupaya Samy, melalui struktur bahasa Tamil, misalnya:

(33) “kalau Kurupaya tak ada cakap, saya sendiri pun mahu cakap sama ini kakak, tau?”

Melalui gaya penyampaian di atas, A. Samad said telah berjaya menimbulkan kesan yang dramatik dalam dialog. Penggunaan kata kerja untuk melaporkan ujaran dalam *Salina* tidak memberikan konotasi yang tertentu. Sikap dan perlakuan watak dapat difahami melalui ujaran dan klausa pelapor. Hal inilah yang membezakan Salina dengan HHT. Pengarang HHT hanya bertindak sebagai pelapor sesuatu peristiwa tanpa mewujudkan sebarang interpretasi. Misalnya, jika raja yang bertitah, maka rakyat akan mendengar, dan begitulah sebaliknya.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini telah memperlihatkan beberapa penemuan penting tentang gaya ujaran dalam karya Melayu. Pertamanya, dari segi konvensi, telah wujud kesinambungan cara mempersembahkan ujaran dari karya abad ke-17 hingga abad ke-21. Misalnya, ciri ujaran HHT dalam *Salina* ialah (i) kehadiran tanda koma atau noktah bertindih selepas klausa pelapor, iaitu sebelum ujaran, dan (ii) setiap ujaran akan ditandai oleh tanda petikan "...". Perbezaannya hanyalah penggunaan huruf besar untuk 'X berkata', misalnya *Tanya* untuk *Salina* dan *tanya* untuk HHT.

Keduanya, telah berlaku inovasi dalam pola ujaran bahasa Melayu. Misalnya, HHT secara dominan hanya menerapkan satu pola ujaran, iaitu, posisi awal, 'X berkata + ujaran'. Teks *Salina* pula menggunakan kesemua pola ujaran. Bagaimanapun, secara konsisten, pola yang lebih banyak digunakan dalam *Salina* ialah posisi akhir, 'ujaran + X berkata'. Sebagai tambahan, teks *Salina* turut menggunakan ujaran tanpa pelapor, dengan tujuan untuk mempercepatkan perbualan antara watak. Penggunaan ujaran tanpa pelapor telah menyebabkan perbualan lebih ekonomi dan realistik.

Seterusnya, penemuan yang menarik juga diperkatakan di sini ialah penggunaan 'X berkata' dalam karya klasik akan menentukan status sipengujar. Misalnya, kata *titah* eksklusif untuk raja sahaja. Lawan *titah* ialah *sembah*, untuk bukan raja, misalnya bendahara dan hamba. Kata *sembah* boleh digunakan oleh golongan yang lebih rendah, misalnya hamba. Perkataan *kata* pula digunakan untuk sesama status. Sebaliknya, dalam teks moden bentuk 'X berkata' bersifat neutral, iaitu digunakan untuk semua status. Kesemua penemuan ini memberi gambaran bahawa teknik bercerita dalam kalangan pengarang Melayu dapat dikesan melalui ujaran.

BIODATA PENULIS

Mohammad Fadzeli Jaafar ialah Prof. Madya di Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik. Minat beliau lebih tertumpu pada bidang stilistik. Selain itu, beliau juga meminati bidang sintaksis, pragmatik dan sosiolinguistik. Pernah menerbitkan artikel dalam beberapa jurnal, misalnya *GEMA Online Journal*, *PERTANIKA* dan *Indonesian Journal of Applied Linguistics*. fadzeli@ukm.edu.my

RUJUKAN

- A. Samad Said. (1986). *Salina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Coulthard, Carmen Rosa-Caldas, (1992). Reporting speech in narrative discourse: stylistic and ideological implications. *Ilha Do Desterro. A Journal of English Language, literatures in English and cultural studies*, 67-82.
- Greenbaum, S. & Nelson, G. (2002). *An introduction to English grammar*. Second Edition. Great Britain: Pearson Education Limited.
- Halliday, M.A.K. (1994) *An introduction to functional grammar*. London: Edward Arnold.
- Kamaruddin M. Said. (2007). Minda orientalis dan minda Pasca-Kolonial: Politik membaca *Hikayat Hang Tuah*, *Akademika* (70), 41-56.
- Lacaze, G. (2013). *Word order in utterances of direct speech in English: a subtle balance between conventions and innovation*.
- Hikayat Hang Tuah*. (1971). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Leech, G.N. & Short, M.H. (1991) *Style in Fiction*: London: Longman.
- Matthews, P.H. (1997) *Oxford concise dictionary of linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2015). *Teori sistemik-fungsional dalam stilistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2007). Kisan cinta wanita moden dalam *Hikayat Faridah Hanom* karya Syed Sheikh Al-Hadi. *Jurnal Peradaban Melayu*. Jilid 5,
- Nykanen, E. & Koivisto, A. (2016). Introduction: approaches to fictional dialogue. *International Journal Literary Linguistics*. Vol. 5 No. 2, 1-14.
- Hutchinson, T. (1989). Speech presentations in fiction with reference to *The Tiger Moth* by H.E.
- Bates. Dalam Short. M. (Ed.). *Reading, analyzing & teaching literature* (hlm. 1120-145). London: Longman.
- Short, M.H. (1996). *Exploring the language of poems, plays and prose fiction*. London: Longman.
- Toolan, M. (1998). *Language in literature: an introduction to stylistics*. London: Arnold.
- Trask, R.L. (1996) *A dictionary of grammatical terms in linguistics*.

Umar Junus. (1989). *Stilistik: satu pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (1993). Perihal kesasteraan novel *Salina* satu undangan untuk merenung kembali tradisi kritikan kita? *Sari* 11, 47-61.

Wales, K. (1991). *A dictionary of stylistics*. London: Longman. London: Routledge.